

## Kajian Persepsi Terhadap Kursus Keusahawanan(DPB 2012) Di Kalangan Graduan Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah

Roshidi Bin Bakar @ Samad <sup>1</sup>

Jabatan Perdagangan Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah  
[shidipoly@gmail.com](mailto:shidipoly@gmail.com)

---

**ABSTRAK:** Dalam sistem Politeknik, pendidikan keusahawanan telah dilaksanakan untuk memupuk semangat keusahawanan dalam diri graduan bagi melahirkan seramai mungkin usahawan. Berdasarkan keperluan, kajian dijalankan di kalangan graduan Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (POLIMAS) Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) yang menawarkan Kursus Keusahawanan (DPB 2012). Kajian ini bertujuan meninjau persepsi lulusan Politeknik terhadap Kursus Keusahawanan (DPB 2012) yang telah mereka ikuti. Responden terdiri daripada 677 pelajar graduan politeknik dari tahun 2017 hingga 2019 yang telah menamatkan pengajian mereka di peringkat diploma di Jabatan Perdagangan. Borang soal selidik diedarkan untuk mendapatkan maklumat dan program SPSS 15.0 for Windows digunakan bagi menganalisis data yang diperolehi. Kaedah kuantitatif telah digunakan bagi mencapai objektif kajian yang telah ditentukan. Hasil kajian mendapati semua responden mempunyai persepsi yang positif terhadap faedah yang mereka perolehi selepas mengikuti kursus Keusahawanan (DPB 2012). Begitu juga persepsi responden terhadap pemilikan kompetensi keusahawanan di dalam diri mereka juga adalah sangat tinggi bagi 8 kompetensi keusahawanan. Manakala 4 kompetensi berada pada tahap tinggi. Dan daripada kajian ini, didapati punca kurangnya lulusan Politeknik menceburkan diri dalam bidang keusahawanan adalah kerana kurangnya kompetensi lulusan dalam melihat dan merebut peluang keusahawanan.

---

*Katakunci:* Keusahawanan, persepsi, halatuju.

---

### 1.0 PENGENALAN

Persekitaran ekonomi amat terkesan dengan evolusi tren ekonomi dan integrasi ekonomi ditambah dengan masalah pengangguran di kalangan graduan telah menyumbang kepada keperluan program pembangunan usahawan sebagai satu pendekatan untuk memantapkan ekonomi (Amiruddin, 2014). Sebagai salah satu usaha mengurangkan pengangguran bagi graduan dan lepasan sekolah, pendidikan keusahawanan perlu diberi penekanan dalam sistem pendidikan negara. Keusahawanan bukan hanya dilihat sebagai salah satu faktor yang penting untuk pengeluaran atau inovasi produk baru tetapi juga dapat mewujudkan persekitaran kompetitif oleh firma-firma swasta. Oleh itu, firma-firma ini semakin memerlukan modal insan dengan keupayaan keusahawanan. Seterusnya ini meningkatkan keperluan institusi pendidikan untuk menawarkan bidang keusahawanan atau sekurang-kurangnya setiap pelajar diberi pengetahuan yang asas mengenai bidang keusahawanan dalam tempoh pengajian mereka di peringkat pengajian tinggi dengan harapan, mereka akan dapat berdikari atau memulakan perniagaan setelah tamat pengajian. Sehubungan itu kerajaan telah mengadakan pelbagai inisiatif dan program bagi menggalakkan para graduan untuk menceburi bidang keusahawanan. Antara program keusahawanan untuk para graduan ialah seperti Program Pembangunan Usaha Siswa dan Skim Usahawan Siswazah. Memandangkan betapa pentingnya bidang keusahawanan ini selaras dengan matlamat Dasar

Ekonomi Baru (DEB) yang bertujuan untuk menyusun semula masyarakat perdagangan, Dasar Perindustrian, maka kerajaan telah merangka beberapa inisiatif ke arah pembentukan budaya usahawan. Malah Dasar Ekonomi Baru yang telah dibentuk membuktikan komitmen kerajaan untuk memperbanyakkan tokoh usahawan dan tokoh korporat di Malaysia. Pembangunan ke arah pembentukan budaya keusahawanan ini juga dilaksanakan di IPT, termasuklah di Politeknik KPTM dimana pelajar dikehendaki mendaftar kursus DPB 2012-Keusahawanan. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk melihat persepsi graduan politeknik terhadap Modul Keusahawanan (DPB 2012) dan peningkatan kompetensi keusahawanan dalam diri pelajar.

## 2.0 LATARBELAKANG MASALAH

Bagi melahirkan usahawan di kalangan lulusan politeknik, perancangan dan pelaksanaan yang komprehensif dan sistematik perlu dirangka dengan baik. Bagi mencapai usaha untuk melahirkan usahawan pembinaan sikap dan minat positif terhadap kerjaya keusahawanan perlu dipupuk di peringkat awal. Pemupukan sikap dan minat positif ini diharap akan memberi peluang kepada pelajar-pelajar mengenalpasti potensi diri sebelum menceburi bidang keusahawanan. Salah satu daripada usaha untuk melahirkan usahawan baru yang berdaya saing dan berpotensi dalam bidang yang keusahawanan ialah dengan menjadikan modul DPB 2012-Keusahawanan sebagai modul wajib di Jabatan Perdagangan, Politeknik Malaysia. Dengan modul ini, pelajar-pelajar dijangka akan memperolehi asas ilmu keusahawanan dan kompetensi yang relevan untuk dalam bidang keusahawanan apabila tamat pengajian. Dalam pendidikan, kandungan dan faedah yang memberi kesan positif kepada pelajar adalah pendidikan yang baik.

Akan tetapi kebaikan dan hasil pendidikan bagi modul DPB 2012-Keusahawanan ke arah pembentukan ciri dan budaya usahawan tidak dapat dikenalpasti dengan tepat. Oleh yang demikian, tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji persepsi lulusan pelajar Politeknik terhadap faedah atau kompetensi seperti yang dihasratkan melalui modul DPB 2012-Keusahawanan. Hasil kajian disasarkan mampu memberi maklumat penting dalam mengenalpasti persepsi pelajar mengenai faedah kandungan modul DPB 2012-Keusahawanan dan kompetensi keusahawanan yang dimiliki oleh lulusangraduan selepas tamat pengajian.

## 3.0 OBJEKTIF KAJIAN

### 3.1 Matlamat kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji dan mengenalpasti tahap penilaian graduan terhadap faedah kandungan modul keusahawanan dan kompetensi keusahawanan di kalangan lulusan Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) setelah tamat pengajian. Di akhir kajian ini, satu laporan tentang penilaian graduan terhadap faedah kandungan Modul Keusahawanan dan kompetensi keusahawanan yang dimiliki pelajar seterusnya dapat memberi cadangan dan maklum balas kepada penggubal dasar, pembangun kurikulum, dan pelaksana kurikulum, berkenaan sejauhmanakah lulusan memiliki kompetensi keusahawanan bagi mencapai objektif pelajar menjadi usahawan.

Secara khususnya, Kajian Keberkesanan Modul Keusahawanan (DPB 2012) di kalangan graduan tamat pengajian di POLIMAS Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ini bertujuan untuk mengenalpasti persepsi pelajar terhadap:

- a) Faedah kandungan yang diperolehi selepas mengikuti modul keusahawanan.
- b) Kompetensi lulusan selepas mengikuti modul keusahawanan.

### 3.2 Persoalan Kajian

Kajian yang telah dibuat adalah untuk mendapatkan jawapan kepada persoalan-persoalan berikut:

- a) Apakah persepsi graduan Politeknik mengenai faedah kandungan yang diperolehi selepas mengikuti modul keusahawanan.
- b) Apakah persepsi graduan Politeknik mengenai kompetensi lulusan selepas mengikuti modul keusahawanan.

#### **4.0 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini adalah penting untuk melihat gambaran jelas mengenai persepsi graduan Politeknik terhadap faedah Kandungan Modul DPB 2012-Keusahawanan dan persepsi terhadap penguasaan kompetensi keusahawanan dalam diri mereka. Selain daripada itu, kajian ini juga penting bagi menambahbaik amalan sedia ada dari aspek dasar, kurikulum, pengajaran dan pembelajaran. Satu kerangka perancangan bagi melahirkan usahawan di kalangan pelajar Politeknik dapat disasarkan sebagai rasional dan impak daripada dapatan kajian ini. Kajian ini juga boleh digunapakai untuk memberi maklumat kepada penggubal dasar, pembangun kurikulum dan pelaksana kurikulum dalam merangka pelan tindakan untuk menggalakkan penglibatan lulusan dalam bidang keusahawanan pada masa hadapan serta membuat penambahbaikan terhadap kurikulum sedia ada.

#### **5.0 BATASAN KAJIAN**

Kajian ini tertumpu kepada graduan Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah Malaysia yang tamat pengajian di antara tahun 2017 hingga 2019 sahaja. Hasil kajian merujuk kepada penilaian responden tersebut dan tidak digeneralisasi kepada keseluruhan lulusan di institusi pengajian lain. Responden tidak dapat dihubungi dimana sampel yang mengandungi soalan soalselidik kajian tidak dikembalikan semula sedikit sebanyak mengganggu proses pengumpulan data.

#### **6.0 SOROTAN KAJIAN**

Memandangkan bidang keusahawanan merupakan satu bidang yang diberi perhatian khusus oleh kerajaan terutamanya di Politeknik, modul yang dibina mestilah berfaedah dan mampu membekalkan pelajar dengan kompetensi keusahawanan. Keusahawanan ditakrifkan sebagai kuasa untuk merubah sesuatu secara kreatif, iaitu mencetuskan gabungan baru, membentuk cara terkini dan lebih baik dalam perniagaan (Schumpeter, 1950). Istilah keusahawanan juga didefinisikan sebagai perlakuan mengambil risiko ke atas peluang-peluang baru untuk individu dan organisasi (Susbauer, 1972). Usahawan bukan sahaja kreatif atau inovatif, malah boleh menjadikan sesuatu impian menjadi kenyataan (Kirby, 2011).

Pendidikan keusahawanan yang ditawarkan di politeknik melalui Modul keusahawanan disasarkan untuk menyediakan pelajar dengan pengetahuan dalam keusahawanan dan seterusnya membangunkan diri mereka ke arah kerjaya keusahawanan (Habidin, 2016). Pelajar juga dapat mengenalpasti peluang-peluang yang ada melalui pengetahuan yang diraih dalam bidang tertentu sebelum memasuki bidang kerjaya (Shane, 2000). Habuan kewangan melalui peluang-peluang dari aktiviti keusahawanan juga dapat memotivasikan individu untuk mendalami ilmu keusahawanan (Kirzner, 1997).

Modul keusahawanan yang ditawarkan di politeknik-politeknik Malaysia dibina atas dasar memenuhi kompetensi-kompetensi tertentu berdasarkan psikologi sosial iaitu berinisiatif, dapat melihat dan merebut peluang, kecekalan, berkeupayaan mencari maklumat yang bersesuaian, menitikberatkan mutu kerja yang tinggi, komitmen terhadap perjanjian kerja, berorientasi ke arah kecekapan, membuat perancangan yang sistematik, menyelesaikan masalah secara kreatif, lebih berkeyakinan, ketegasan, dapat menyakinkan orang lain dan dapat menggunakan strategi pengaruh penilaian. Manusia juga dipandu oleh 3 motif utama termasuklah 1. Keperluan untuk pencapaian, 2. Keperluan untuk affiliasi dan 3. Keperluan untuk kuasa (McClelland, 1987).

Dari segi ekonomi, usahawan dikatakan menjadi penyelesaian kepada banyak masalah, terutamanya menjadi penyumbang kepada pekerjaan atau sebagai salah satu instrumen dalam menyelesaikan masalah-masalah

pengangguran. Usahawan juga dikatakan sebagai seseorang yang dapat menerokai bidang baru melalui sifatnya yang kreatif dan sentiasa mengambil peluang. Masyarakat yang memiliki paling ramai usahawan adalah merupakan masyarakat yang terbaik. Ini kerana usahawan merupakan individu yang paling dinamik, kreatif dan inovatif (Abdul-Aziz, 2003). Mereka bersedia menghadapi sebarang dan berkeyakinan untuk merebut peluang baru. Kajian ini turut disokong oleh (Franke, 2004) ke atas pelajar lepasan universiti di Munich, German. Beliau mendapati bahawa pendidikan keusahawanan berupaya membentuk pelajar untuk menceburkan diri dalam perniagaan walaupun pada asalnya mereka tidak berminat untuk menceburi bidang ini. Hal ini menunjukkan seseorang itu boleh dibentuk untuk menjadi usahawan.

Persepsi menurut Kamus Dewan bermaksud tanggapan/pandangan mengenai kehendak pengguna terhadap sesuatu perkhidmatan, barangan dan lain-lain yang memenuhi citarasa pengguna. Persepsi akan dipengaruhi oleh beberapa perkara diantaranya adalah kematangan. Chickering, 1993 pula berpendapat perkembangan identiti seseorang itu akan berubah apabila mereka semakin matang. Perubahan atau perkembangan ini dipengaruhi oleh institusi atau sistem pendidikan yang mereka peroleh. Sebagai contoh, kejelasan objektif dan ketekalan polisi, amalan dan aktiviti sesuatu institusi, saiz institusi tersebut, kurikulum, pengajaran dan pembelajaran, lokasi institusi, tenaga pengajar dan rakan sebaya serta budaya pelajar. Mayhew (2016) dan Astin (1993) berpendapat bahawa perubahan seseorang terbahagi kepada enam iaitu perubahan dari segi kognitif (pemikiran) aspirasi atau jangkaan, penilaian sendiri, sikap, perlakuan dan juga dari segi latarbelakang akademik. Selain daripada teori berkaitan remaja, teori-teori keusahawanan juga perlu dirujuk agar item tingkah laku keusahawanan yang dibina bersesuaian dengan kehendak kajian.


Istilah kompetensi bermaksud ketrampilan. Perkataan ini diambil daripada "*competence*" berasal daripada kata kerja Latin "*competere*" yang bermaksud "*to be suitable*", iaitu sesuatu yang sesuai. Pelbagai definisi diberikan oleh pengkaji seperti Boyatzis (1982), Binstead (1988), Hornby & Thomas (1989) dan Woodruffe (1993) dalam (Sani, 2016) di mana mereka mentakrifkan ketrampilan sebagai satu set tingkahlaku yang diperlukan oleh seseorang untuk menjalankan tugas dan fungsinya dengan baik. Manakala, Hooghiemstra (1992), Llyod & Cook (1993) Shell (1995) dan Dingle (1995) dalam (Sani, 2016), menyatakan bahawa ketrampilan adalah ciri-ciri asas yang mempunyai kaitan dengan keberkesanan atau kebolehan menjalankan sesuatu tugas. Berdasarkan definisi yang dinyatakan di atas, ketrampilan boleh diertikan sebagai gabungan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang diguna dan akan ditunjukkan dalam bentuk tingkahlaku apabila melaksanakan sesuatu tugas. Matlamat utama ialah untuk membolehkan seseorang itu menjalankan sesuatu tugas dengan baik dan berkesan. Ketrampilan merupakan panduan hala tuju melakukan sesuatu tugas. Dengan menyenaraikan ketrampilan seseorang itu akan mendapat gambaran tingkah laku yang diharapkan dan membolehkan individu membuat persediaan awal apabila menjalankan sesuatu tugas.

Kompetensi keusahawanan pula merujuk kepada ciri-ciri atau tingkah laku yang dimiliki oleh seorang usahawan yang berjaya seperti pengambil risiko, bermotivasi, bertenaga, bertanggungjawab, komited dengan tugas, tabah, ingin mendapatkan kecemerlangan ( McClelland, 1987 ; Timmons et al., 1987) memiliki kawalan dalaman diri yang tinggi (locus of control) (Timmons, 1987) sensitif dengan perubahan persekitaran berkaitan dengan peluang perniagaan (Peterman, 2003). Risiko dapat dibahagikan kepada lima jenis iaitu empat bahagian daripadanya adalah berkaitan dengan risiko ekonomi, risiko dalam hubungan sosial, risiko dalam pembangunan psikologi dan risiko kesihatan (Bird, 1989).

Selain itu, ciri-ciri seperti kreatif dan inovatif juga sering dikaitkan dengan usahawan berjaya. Menurut Drucker, 2014, Bardai, 2000, dan Ali, 2018 kreatif dan inovatif adalah keupayaan seseorang mencipta dan mengubahsuai sesuatu barangan yang berguna kepada masyarakat. Malah menurut Barjoayi Bardai, 2000 lagi, ciri-ciri ini merupakan satu kualiti utama yang membezakan antara seorang usahawan dengan seorang peniaga. Manusia yang kreatif selalunya berupaya mencapai kemajuan lebih cepat dari orang lain kerana mereka memungkinkan penghasilan terhadap sesuatu barangan disebabkan keyakinan diri, keupayaan menyelesaikan masalah dengan

bijak, bijak mencari peluang, bijak bersosial serta memiliki matlamat yang jelas (Yep, 1985). Menurut Othman (2018), usahawan yang berjaya mempunyai matlamat jangka pendek, sederhana dan panjang. Kesemua matlamat ini dibentuk ketika ingin mendapatkan prototaip produk atau perkhidmatan yang sedang dirancang (under way). Matlamat segera atau jangka pendek para usahawan yang berjaya ialah untuk mendapatkan reaksi pasaran dan pencapaian yang kurang daripada jangkaan dianggap mencukupi. Oleh yang demikian, usahawan berkebolehan dalam merekacipta kerana memiliki ciri-ciri kreatif dan inovatif yang membolehkan mereka mengenal pasti masalah-masalah yang wujud dalam sesuatu barangan sehingga proses penambahbaikan dapat dilaksanakan.

Menurut Rofa, 2015 & Thuaibah @ Suaibah binti Abu Bakar, 2007 kejayaan seseorang usahawan juga bergantung kepada kemampuannya melihat dan merebut peluang yang wujud dalam persekitaran dan ini bergantung kepada kebolehan mencari maklumat dan mewujudkan jaringan dan perhubungan berkesan dengan pihak lain.



Rajah 5.1: Logik model bagi kajian

Merujuk kepada rajah 5.1, model logik bagi mengkaji persepsi graduan tamat belajar terhadap kursus keusahawanan bermula daripada input termasuklah pensyarah, fasiliti dan kurikulum. Input ini akan menggembelng tenaga di antara satu sama lain bagi melaksanakan proses agar yang berkualiti dapat dihasilkan. Pelajar POLIMAS yang telah bergraduasi pada tahun 2017-2019, merupakan responden yang dikaji dalam kajian ini. Output yang ingin diperolehi adalah faedah modul DPB 2012– Keusahawanan dalam memberikan pengetahuan keusahawanan dan kompetensi keusahawanan. Bagi jangka masa pendek, kajian ini diharapkan akan memberi maklumbalas positif terhadap perubahan sikap, pengetahuan dan kemahiran keusahawanan disamping memiliki kompetensi keusahawanan. Bagi jangka masa sederhana pula, diharapkan lulusan Politeknik akan menjadi usahawan. Dan diharapkan dalam jangkamasa panjang, ramai usahawan berjaya akan wujud dikalangan lulusan Politeknik Malaysia.

## 7.0 METODOLOGI

Proses pengumpulan data diperolehi melalui kaedah kuantitatif dalam bentuk borang soal selidik. Penilaian diberikan kepada 677 orang graduan Jabatan Perdagangan dari tahun 2017 sehingga tahun 2019 yang telah mengambil kursus Keusahawanan. Metodologi kajian merupakan prosedur pelaksanaan kajian oleh penyelidik. Aspek ini perlu diberi penekanan dalam memastikan kajian dijalankan secara komprehensif, sistematik dan teratur bagi mencapai objektif kajian. Penyelidik telah mengenalpasti populasi bagi persampelan kajian, membuat pembangunan instrumen kajian dan menentukan kaedah analisis data untuk memastikan matlamat dan objektif kajian dapat dicapai.

### 7.1 Populasi Sasaran dan Sampel Kajian

Populasi kajian ini melibatkan lulusan POLIMAS Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) seramai 4513 orang graduan tamat belajar pada tahun 2017 sehingga tahun 2019. Berdasarkan daripada jumlah populasi ini seramai 677 orang graduan tamat belajar yang mewakili 15 peratus daripada populasi sasaran kajian. Pemilihan sampel kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti responden yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan populasi sasaran. Metod persampelan sistematik telah dipilih supaya setiap pelajar dalam populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai responden kajian dengan gandaan yang tertentu (Chua Yan Piaw, 2006).

### 7.2 Pembangunan Instrumen Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji persepsi graduan terhadap modul DPB 2012 –Keusahawanan dari segi faedah kandungan modul dan kompetensi keusahawanan yang dimiliki setelah mengikuti kursus ini. Pada peringkat permulaan kajian dijalankan, proses metodologi kajian bermula dengan pernyataan masalah, matlamat serta objektif kajian yang telah ditetapkan. Objektif kajian ditetapkan untuk mencapai matlamat kajian ini. Kemudian diikuti dengan penentuan skop kajian, batasan kajian dan kepentingan kajian. Seterusnya penyelidik telah membangunkan instrument kajian berdasarkan data primer yang diperolehi melalui kaedah borang selidik. Secara amnya, berdasarkan borang soal selidik yang telah direkabentuk adalah terdiri daripada dua bahagian utama (Rujuk Lampiran 2-SET B) iaitu Bahagian A: Demografi Lulusan Politeknik dan Bahagian B: Persepsi pelajar terhadap modul P 3117-Keusahawanan (kandungan dan kompetensi).

Bahagian A, terdiri daripada sepuluh soalan yang telah dibentuk iaitu melibatkan maklumat latar belakang responden seperti jantina, bangsa, keputusan SPM bagi matapelajaran Perdagangan, , Sijil, Diploma, HPNM, gred Modul Keusahawanan (semasa di Politeknik), kerjaya dan pendapatan bulanan. Responden hanya perlu menanda satu pilihan jawapan mengikut kehendak pernyataan yang diperlukan. Bahagian B pula, terdapat 38 soalan yang dikemukakan bertujuan untuk mengenalpasti persepsi lulusan Politeknik terhadap modul keusahawanan yang dinyatakan. Antaranya mengenalpasti persepsi lulusan Politeknik terhadap faedah kandungan modul keusahawanan dan kompetensi keusahawanan. Responden dikehendaki menandakan jawapan mereka mengenai sesuatu kenyataan item berdasarkan kepada satu skala dari satu ekstrem kepada ekstrem yang lain. Penggunaan skala jenis ini adalah mengikut markah di Jadual 7.1 seperti berikut:

**Jadual 7.1** Skala Pemeringkatan Likert

Item	Skala
Sangat Setuju (A)	5
Setuju (B)	4
Kurang Setuju (C)	3
Tidak Setuju (D)	2
Sangat Tidak Setuju (D)	1

Sumber : Mohamad Najib (1999)

Kajian rintis telah diadakan sebelum kajian yang sebenar dilakukan. Ini bertujuan bagi memastikan kajian yang telah dijalankan mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi atau sebaliknya. Kesahan bermaksud data yang diperolehi melambangkan sesuatu yang ingin diukur. Kebolehpercayaan pula adalah skor yang diperolehi sama ada melambangkan ukuran sebenar seseorang individu. Bagi tujuan ini penyelidik telah memilih 94 orang responden secara rawak sebelum borang soal selidik sebenar diedarkan. Selepas kajian rintis dijalankan, penyelidik berpeluang menentukan ciri-ciri soalan yang perlu diubahsuai atau dikekalkan.

Pada peringkat kajian rintis ini, penyelidik telah menjalankan analisis statistik untuk menentukan kebolehpercayaan terhadap instrumen berkenaan. Analisis statistik yang dilakukan ialah analisis *Cronbach Alpha* dengan menggunakan analisis kebolehpercayaan dan lebih mudah serta tepat dianalisis melalui perisian *SPSS 15.0 for Windows*. Hasilnya, penyelidik telah menerima skor min keseluruhan pada aras  $\alpha = 0.960$  dengan menerima keseluruhan 58 item instrumen yang digunakan. Menurut Uma Sekaran (2003) nilai kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* kurang daripada 0.6 adalah dianggap rendah dan tidak boleh diterima. Sebaliknya, jika nilai *Alpha* di antara 0.6 sehingga 0.8 adalah diterima dan nilai *Alpha* melebihi 0.8 adalah dianggap baik.

### 7.3 Analisa Data Kajian

Proses analisis kajian dimulakan dengan setiap penyelidik mengumpulkan data-data dari setiap Jabatan di POLIMAS. Hasil data yang telah diperolehi ini digabungkan dan dikemaskini agar data yang dianalisis memenuhi kehendak dan keperluan matlamat serta objektif kajian yang telah ditetapkan. Pengumpulan data ini dilakukan bagi mendapatkan data-data yang berkaitan dengan kajian dan seterusnya menjawab persoalan kajian yang dijalankan. Data yang terkumpul adalah bersifat kuantitatif digunakan bagi membantu penyelidik mendapat bilangan data yang banyak. Kajian deskriptif ini dilakukan terhadap latar belakang lulusan politeknik dan keberkesanan modul keusahawanan. Penyelidik telah menganalisis data-data yang diperolehi daripada soal selidik dengan menggunakan statistik deskriptif melalui penggunaan perisian *SPSS 15.0 for Windows*. Proses ini dilakukan secara berulang-ulang sehingga mendapat data yang mencukupi untuk menganalisis kajian ini. Penyelidik telah menganalisis data-data yang dikumpulkan dan membuat kesimpulan ke atas analisis tersebut.

Kaedah skor min juga telah digunakan bagi menilai keberkesanan modul keusahawanan. Skor min yang paling besar menunjukkan tahap paling tinggi keberkesanan modul keusahawanan. Penyelidik menggunakan statistik deskriptif melalui pengiraan kecenderungan memusat. Analisis ini telah menjawab objektif pertama kajian iaitu mengenalpasti keberkesanan modul keusahawanan di kalangan lulusan politeknik. Tafsiran skor min bagi dapatan kajian responden telah digunakan mengikut skala seperti yang dikemukakan dalam Jadual 7.2 yang dibuat bagi menganalisis data yang telah diperolehi.

Jadual 7.2 Jadual Interpretasi

Skor Min	Tafsiran
1.99	Sangat Rendah
2.00 – 2.75	Rendah
2.76 – 3.25	Tidak Pasti
3.26 – 3.75	Sederhana Tinggi
3.76 – 4.25	Tinggi
> 4.26	Sangat Tinggi

## 8.0 DAPATAN KAJIAN

Kajian ini adalah untuk melihat persepsi pelajar terhadap modul DPB 2012-Keusahawanan dan kompetensi keusahawanan yang dimiliki oleh pelajar hasil daripada mengikuti kursus DPB 2012-Keusahawanan. Kajian ini lebih cenderung untuk melihat apakah faedah yang diperolehi selepas mengikuti modul DPB 2012-Keusahawanan ini.

### 8.1 Demografi Responden

Jadual 8.1 menunjukkan taburan demografi responden mengikut jantina, bangsa, keputusan SPM bagi mata pelajaran Perdagangan, keputusan SPM bagi mata pelajaran Keusahawanan, peringkat pengajian – sijil atau diploma, Himpunan Purata Nilai Mata (HPNM), gred modul keusahawanan, bidang kerjaya dan pendapatan bulanan. Sejumlah 677 orang lulusan POLIMAS 2017-2019 telah terlibat dalam kajian ini.

Jadual 8.1 Demografi Responden


No	Soalan	Kriteria	Kekerapan (Orang)	Peratus (%)
1	Jantina	Lelaki	108	15.95
		Perempuan	569	84.05
		<b>Jumlah</b>	<b>677</b>	<b>100</b>
		2	Bangsa	Melayu
Cina	40	5.91		
India	32	4.73		
Lain-lain	15	2.22		
<b>Jumlah</b>	<b>677</b>	<b>100</b>		
3	Keputusan SPM Bagi Matapelajaran Perdagangan	1A-2A	22	6.20
		3B-4B	78	21.97
		5C-6C	114	32.11
		7D	103	29.01
		8E	35	9.86
		9F	3	0.85
		<b>Jumlah</b>	<b>355</b>	<b>100</b>
4	Kursus Responden	Akauntansi	298	44.02
		Pemasaran	379	55.98
		<b>Jumlah</b>	<b>677</b>	<b>100</b>
5	CGPA	2.00-2.49	11	1.62
		2.50-2.99	143	21.12
		3.00-3.49	343	50.66
		3.50-4.00	180	26.59
		<b>Jumlah</b>	<b>677</b>	<b>100.0</b>
6	Pekerjaan	Kerajaan	130	19.2
		Swasta	220	32.5
		Perniagaan sendiri	12	1.72
		Bekerja sendiri (selain perniagaan)	15	2.22
		Melanjutkan pelajaran	180	26.59
		Tidak bekerja	120	17.73
		<b>Jumlah</b>	<b>677</b>	<b>100</b>
7	Pendapatan	Di Bawah RM1000	264	49.35
		RM1001-RM2000	246	45.98
		RM2001-RM3000	20	3.74
		Melebihi RM3001	5	0.93
		<b>Jumlah</b>	<b>535</b>	<b>100</b>



## 8.2 Objektif 1 – Persepsi Pelajar Terhadap Faedah Yang Diperolehi Lulusan Selepas Mengikuti Modul Keusahawanan.

Bahagian B dalam kajian keberkesanan modul keusahawanan ini, item soalan dipecahkan kepada dua bahagian. Item 11 hingga 20 adalah untuk mengenalpasti faedah yang diperolehi oleh lulusan selepas mengikuti modul DPB 2012-Keusahawanan. Manakala item 21 hingga 56 adalah untuk mengenalpasti maklumat mengenai kompetensi yang dikuasai oleh lulusan selepas mengikuti modul tersebut.

Rajah 8.2 adalah menunjukkan persepsi pelajar terhadap faedah yang diperolehi oleh pelajar melalui modul DPB 2012-Keusahawanan.




Rajah 8.2: Faedah Yang Diperolehi Lulusan Selepas Mengikuti Modul Keusahawanan

Jadual 8.2 menunjukkan persepsi responden mengenai faedah yang diperolehi oleh mereka selepas mengikuti kursus keusahawanan. Secara keseluruhannya, min bagi persoalan kajian yang kedua ini berada pada tahap tinggi. Sebahagian besar responden amat bersetuju bahawa modul ini berupaya meningkatkan pengetahuan mereka dalam bidang keusahawanan dengan skor min sebanyak 4.45. Faedah-faedah lain iaitu pengetahuan untuk menyediakan rancangan perniagaan (RP) (skor min 4.28), pendedahan terhadap prinsip keusahawanan (skor min 4.22), mengetahui cara menguruskan perniagaan (min 4.19), menghubungkan antara teori dan praktis (skor min 4.12), dan mencetuskan idea-idea perniagaan (skor min 4.12). Pendedahan terhadap prinsip keusahawanan skor min sebanyak 4.22.

Selain daripada itu, responden turut memperolehi faedah dalam mengenalpasti peluang-peluang perniagaan (skor min 4.10), mengguna dan mengaplikasikan modul yang dipelajari dalam perniagaan (skor min 4.05), serta dorongan untuk memulakan perniagaan (skor min 4.04). Responden juga dapat membina keyakinan terhadap keyakinan diri setelah mengikuti modul keusahawanan ini (skor min 4.02). Ini menunjukkan semua data yang diperolehi mendapat skor min yang sangat tinggi.

### 8.3 Objektif 2: Persepsi Pelajar Terhadap Kompetensi Lulusan Selepas Mengikuti Modul Keusahawanan

Rajah 8.3 pula memaparkan dapatan kajian mengenai persepsi responden terhadap kompetensi mereka setelah mengikuti modul keusahawanan ini. Kompetensi yang dikaji adalah berasaskan kepada kajian yang dijalankan oleh McClelland (1974) di mana terdapat tiga belas kompetensi pada diri usahawan yang berjaya.



Rajah 8.3: Kompetensi Lulusan Selepas Mengikuti Modul Keusahawanan

Merujuk kepada jadual 8.3, didapati bahawa daripada tiga belas kompetensi yang diukur, empat kompetensi berada pada tahap sederhana tinggi (min 3.26 – 3.75), satu berada pada tahap tinggi (skor min 3.76-4.25) dan lapan kompetensi berada pada tahap sangat tinggi (skor min melebihi 4.26).

Persepsi lulusan terhadap kompetensi keusahawanan mereka yang berada pada tahap tinggi iaitu keyakinan terhadap diri sendiri dengan skor min 4.07, dan keupayaan menggunakan strategi pengaruh skor min 4.10. Manakala, bagi persepsi responden mengenai inisiatif dan kecekalan yang mereka perolehi selepas mengikuti modul keusahawanan ini, menunjukkan skor min 4.11 dan 4.19. Selain daripada itu, untuk kompetensi keupayaan untuk membuat perancangan yang sistematik dan berorientasikan kecekapan nilai minnya adalah sama iaitu 4.24. Dalam kajian ini kompetensi yang paling tinggi nilai minnya adalah keupayaan untuk menitikberatkan mutu kerja yang tinggi (skor min 4.38).

Walaupun bagaimanapun, analisis data tentang persepsi responden terhadap keupayaan untuk melihat dan merebut peluang adalah yang terendah dalam bahagian ini dengan skor min 3.73. Manakala keupayaan mencari maklumat yang bersesuaian dengan skor min 3.93.

## 9.0 PERBINCANGAN DAN CADANGAN KAJIAN

Hasil daripada kajian ini, pihak penyelidik telah mengenalpasti beberapa cadangan yang boleh diberi perhatian oleh beberapa pihak. Pihak yang terlibat adalah pihak pengkaji, pihak pelaksana iaitu pensyarah dan pihak pembuat dasar. Dalam kajian ini, responden adalah terhad kepada lulusan pada tahun 2011 dan 2013 sahaja. Untuk menambahkan kefahaman dan maklumat yang lebih tepat, kajian yang berterusan perlu dilakukan. Skop kajian perlu diperlanjutan ke tahun-tahun yang terdahulu. Sampel kajian yang lebih banyak akan memberikan data yang lebih tepat. Kajian kecenderungan atau minat pelajar juga oleh dilaksanakan kerana ia boleh dijadikan asas dalam membentuk usahawan muda di kalangan pelajar. Dengan adanya kajian ini, maklumat mengenai minat pelajar ke arah keusahawan dapat dikenalpasti. Pelajar ini seterusnya diberikan dorongan, sokongan dan bantuan untuk mengembangkan minat mereka ke tahap yang seterusnya. Ini boleh dilaksanakan oleh pihak yang bertanggungjawab dalam membangunkan usahawan muda di politeknik.

Kaedah pelaksanaan pendidikan dan latihan keusahawanan bukan sahaja teori semata-mata, tetapi perlu memberi penekanan yang lebih terhadap aspek kompetensi mencari maklumat dan merebut peluang perniagaan. Pensyarah-pensyarah yang mengajar kursus Keusahawanan juga sepatutnya adalah dikalangan mereka yang berpengalaman. Antara kaedah yang boleh dicuba adalah menganjurkan pertandingan keusahawanan dengan lebih kerap, pendidikan berasaskan projek/kerja (Work Based Learning-WBL), kolaborasi dengan syarikat sedia ada, kajian lapangan dan sentiasa menjemput pihak industri untuk member maklumat terkini dalam industri. Disamping itu, kaedah P&P berkonsepkan konstruktivisme juga perlu diaplikasikan oleh pensyarah-pensyarah. Kaedah ini akan membolehkan pelajar berinteraksi dengan dunia keusahawanan sebenar. Dengan kaedah ini diharap kompetensi pelajar dari segi mencari maklumat, dan merebut peluang itu dapat ditingkatkan sekaligus membuka minda pelajar terhadap minda pelajar terhadap bidang keusahawanan tetapi juga memperlengkapkan pelajar dengan kemahiran-kemahiran yang diperlukan.

Pihak pengurusan politeknik boleh merancang untuk menyediakan platform kepada pelajar untuk akses kepada maklumat perniagaan dan keusahawanan seperti mewujudkan satu unit yang bertindak sebagai 'one stop centre'. Unit ini akan bertindak sebagai pihak yang menghubungkan pelajar dengan pihak luar. Peruntukan kewangan juga perlu diberikan kepada usaha-usaha pembudayaan keusahawanan terutamanya bagi aktiviti yang telah dinyatakan di bahagian b di atas.

## 10. RUMUSAN

Melihat kepada objektif kajian pertama iaitu persepsi pelajar terhadap faedah kandungan modul DPB 2012-Keusahawanan, dapat disimpulkan bahawa kebanyakan bersetuju dan sangat bersetuju mengatakan bahawa modul ini dapat memberi faedah yang baik dari segi ilmu keusahawanan kepada pelajar. Ianya merangkumi faedah dari segi peningkatan pengetahuan dalam bidang keusahawanan, menghubungkaitkan antara teori dan praktis, menyesuaikan isi kandungan modul dengan perkembangan bidang keusahawanan, dorongan untuk memulakan perniagaan, mengenalpasti peluang-peluang perniagaan, membina keyakinan terhadap kebolehan diri untuk menceburi bidang keusahawanan, pendedahan terhadap konsep dan prinsip keusahawanan, mencetuskan idea-idea perniagaan, mengetahui cara perlaksanaan dan menguruskan perniagaan dan menyediakan rancangan perniagaan (RP).

Bagi objektif kajian ke dua iaitu melihat persepsi dan pandangan pelajar terhadap pemilihan kompetensi keusahawanan yang dicadangkan oleh Mc Clelland. Daripada hasil kajian ini, didapati ada dua kompetensi keusahawanan yang berada dibawah skor min 0.4. Ini menunjukkan bahawa dua kompetensi keusahawanan ini adalah punca kurangnya lulusan Politeknik menjadi usahawan. Bagi mereka yang ingin menceburi bidang keusahawanan perlu diberikan pendidikan keusahawanan yang menyeluruh dan meliputi orientasi pendidikan perniagaan dan gabungan orientasi kerjaya usahawan. Dengan demikian, ianya bukan hanya menyediakan

kemahiran yang diperlukan dalam menguruskan perniagaan tetapi juga menggalakkan penubuhan perniagaan yang baru.

Sebagai kesimpulannya, selari dengan pendapat Prof Madya Dr Ismail Abdul Wahab (2008) dan Thuaibah (2007) dalam kajiannya, faktor kompetensi keusahawanan, keupayaan melihat peluang dan merebut adalah faktor kejayaan usahawan. Maka, dapat disimpulkan bahawa, punca kurangnya lulusan POLIMAS menceburkan diri dalam bidang keusahawanan adalah kerana kurangnya kompetensi lulusan dalam melihat dan merebut peluang keusahawanan.

## RUJUKAN

Abdul-Aziz, A. R. (2003). Construction entrepreneurship in Terengganu, Malaysia: an exploration of the influential forces. *Journal of Engineering, Design and Technology*.

Ali, R. &. (2018). Kompetensi Keusahawanan Sebagai Mediator Kesiapan Penerapan Elemen Keusahawanan dalam Kalangan Pensyarah Institut Pendidikan Guru (IPG)(Entrepreneurship Competency as a Readiness Mediator in the Implementation of Entrepreneurship Elements Among Lecturers. *jurnal Pendidikan Malaysia (Malaysian Journal of Education)*, 43(1SI), 123-130.

Amiruddin, M. H. (2014). Keberkesanan modul asas keusahawanan bercirikan strategi pembelajaran masteri terhadap pelajar orang asli . *Doctoral dissertation, Universiti Kebangsaan Malaysia*.

Astin, A. W. (1993). What matters in college?: *Four critical years revisited*. San Francisco:: Jossey-Bass.

Bardai., B. (2000). Keusahawanan dan Perniagaan: Bahagian 1. Kuala Lumpur: *Dewan Bahasa dan Pustaka*.

Bird, B. &. (1989). The operation of entrepreneurial intentions. *Entrepreneurship theory and practice*, 13(2), 21-30.

Chickering, A. W. (1993). *Education and Identity*. San Fransisco: Jossev-Bass, Inc.

Drucker, P. (2014). *Innovation and entrepreneurship*. Routledge.

Franke, N. &. (2004). Entrepreneurial intentions of business students—A benchmarking study. *International Journal of Innovation and Technology Management*, 1(03), 269-288.

Habidin, N. F. (2016). Kids entrepreneurship for learning and assessment systems (KELAS) for early childhood institution: critical success factor Analysis and decision making systems. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 6(9), 2222-6990.

Kirby, D. A. (2011). "Making universities more entrepreneurial: Development of a model." *Canadian Journal of Administrative Sciences/Revue Canadienne des Sciences de l'Administration*, 28, no. 3 (2011): 302-316.

Kirzner, I. (1997). Entrepreneurial discovery and the competitive market process: an Austrian approach. *J. Econ.*, 35, 60 – 85.

Mayhew, M. J. (2016). Cultivating innovative entrepreneurs for the twenty-first century: A study of US and German students. *The Journal of Higher Education*, 87(3), 420-455.

- McClelland, D. (1987). Characteristics of successful entrepreneurs. *Journal of Creative Behavior*, 21, 219-233.
- Othman, N. &. (2018). Emotional intelligence towards entrepreneurial career choice behaviours. . *Education+ Training*.
- Peterman, N. &. (2003). Enterprise education: Influencing students' perceptions of entrepreneurship. *Entrepreneurship Theory & Practice*, 1(4), 613–632.
- Rofa, N. N. (2015). The relationship of personal traits and entrepreneurial potential of Malaysian graduates: The role of entrepreneurial networking and entrepreneurial environment. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*, 1(1), 1-8.
- Sani, R. b. (2016). Pembinaan Kerangka Standard Kompetensi Literasi ICT Kebangsaan: Kajian Delphi. *International Seminar on Generating Knowledge Through Research* (pp. 113-122). Universiti Utara Malaysia: Proceeding of ICECRS.
- Schumpeter, J. (1950). *Capitalism, Socialism, and Democracy*. New York: Harper & Row.
- Shane, S. &. (2000). The promise of entrepreneurship as a field of research. *Academy of management review*, 25(1), 217-226.
- Susbauer, J. (1972). "The Technical Entrepreneurship Process in Austin, Texas.". A.C. Cooper and J.L. Komives (Eds.), *Technical Entrepreneurship: A symposium*, 28-46.
- Thuaibah @ Suaibah binti Abu Bakar, A. b. (2007). *Penglibatan Kaum Wanita dalam Aktiviti Keusahawanan di Negeri Johor: Kajian Terhadap Faktor-Faktor Kritikal, Kejayaan dan kegagalan Pengendalian Perniagaan*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Timmons, J. A. (1987). Opportunity recognition: The core of entrepreneurship. *Frontiers of entrepreneurship research* 7, no. 2 (1987): 109-123.
- Yep, P. (1985). Keusahawanan. *Dewan bahasa dan Pustaka*.